



Yayasan Waqaf Malaysia (PPAB-02/2008)

YAYASAN WAQAF MALAYSIA

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berkelayakan bagi mengisi jawatan kosong di Yayasan Waqaf Malaysia (YWM).

1. Jawatan : **PENOLONG PEGAWAI TADBIR (GRED N29)**
2. Penempatan : Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
3. Bilangan : Satu
kekosongan
4. Taraf Jawatan : Kontrak
5. Gaji Ditawarkan :
 - Gaji Pokok : RM1,733.00
 - Elaun : RM 810.00
6. Syarat Lantikan :
 - Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
 - lulus Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan,
 - boleh berkomunikasi dengan baik (lisan dan penulisan);
 - boleh bekerja di bawah tekanan; dan
 - berintegriti tinggi dan menjaga kerahsiaan.

6. Diskripsi tugas

- Membantu meneliti dokumen dasar, penyediaan ucaptama / teks ucapan, dan maklum balas isu-isu YWM;
- Membantu Setiausaha Ketua Pegawai Eksekutif dalam tugas pentadbiran, termasuk mengatur perjumpaan, lawatan kerja, dan mengatur jadual tugas Ketua Pegawai Eksekutif;
- Menjadi perantara antara pejabat Ketua Pegawai Eksekutif dengan pihak berkepentingan (*stakeholders*);
- Membantu menyelaras urusan penyampaian perkhidmatan dan perhubungan pelanggan YWM;
- Membantu pemantauan Petunjuk Prestasi Utama YYWM yang ditetapkan; dan
- Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

CARA MEMOHON

a) Permohonan hendaklah dibuat dengan menghantar resume yang lengkap dengan gambar dan salinan dokumen-dokumen yang disahkan oleh Pegawai yang berkelayakan. Sila nyatakan jawatan yang dipohon di sudut atas sebelah kiri sampul surat.

b) Permohonan hendaklah disampaikan kepada:

Bahagian Pengurusan

Yayasan Waqaf Malaysia

Aras 8, Blok D

Kompleks Islam Putrajaya

Jalan Tun Abdul Razak, Presint 3

62100 Putrajaya.

- c) Tarikh tutup iklan ialah pada **6 April 2026 (Isnin), jam 12.00 tengah hari.**

CATATAN AM

- a) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
- b) Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- c) Hanya calon-calon yang berjaya dalam urusan temuduga akan dimaklumkan.

PENAFIAN

Iklan jawatan kosong ini semata-mata untuk tujuan pelawaan sahaja dan tidak membentuk sebarang komitmen yang mengikat dengan mana-mana pihak. YWM tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kekeliruan mengenai maksud iklan jawatan kosong ini. Keputusan pengambilan pekerjaan adalah sepenuhnya bergantung kepada Pengurusan YWM.